

## **Kewajipan Cukai bagi Individu Bekerja Sendiri**

Anda dianggap sebagai individu bekerja sendiri sekiranya anda mengendalikan perdagangan, perniagaan, kerkaryawan atau kejuruan. Anda mungkin seorang pemilik tunggal syarikat atau rakankongsi dalam syarikat perkongsian.

Contoh-contoh kerja bagi individu yang bekerja sendiri:

Perdagangan dan perniagaan:	pertanian, pengeluaran, pembinaan, perniagaan pendorongan atau runcit
Kerkaryawan:	klinik kesihatan, perundangan, firma perakaunan, ejen insurans, ejen hartanah
Kejuruan:	jurugambar bebas, penjaja, penjaga bayi, pemandu teks atau guru tuisyen

Sebagai individu bekerja sendiri, anda wajib melakukan perkara-perkara berikut:

- (a) Menyimpan rekod-rekod dan akaun perniagaan anda dengan lengkap dan sempurna selama 5 tahun.
- (b) Melengkapi dan megirimkan borang cukai pendapatan anda dan membayar jumlah cukai yang dikenakan dalam tempoh sebulan dari tarikh Notis Taksiran.
- (c) Membuat sumbangan Medisave yang wajib.
- (d) Mendaftar dengan IRAS sebagai individu yang berdaftar GST sekiranya anda menjangkakan jumlah jualan (membekal barangan bercukai atau perkhidmatan di Singapura) perniagaan anda bagi 12 bulan berikutnya melebihi \$1 juta.

## **Menyimpan Catatan Rekod dan Akaun dengan Sempurna**

### **1. Rekod perniagaan apakah yang perlu saya simpan?**

Bagi tujuan cukai pendapatan, anda perlu menyimpan rekod dan akaun transaksi perniagaan anda dengan sempurna untuk 5 tahun bermula 1hb Jan 2007. Ini adalah untuk membolehkan kami menentukan pendapatan dan perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan.

Semua dokumen, yang merekodkan transaksi perniagaan anda atau yang membolehkan transaksi anda dikesan dan disahkan melalui sistem perakaunan, perlu disimpan. Rekod-rekod yang perlu disimpan termasuk:

- (a) Buku akaun yang merekodkan pendapatan/resit atau perbelanjaan/pembayaran;
- (b) Invois, baucar, resit dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan untuk mengesahkan transaksi dalam sebarang buku akaun; dan
- (c) Rekod-rekod lain yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan, kerkaryawan atau kejuruan anda.

Rekod-rekod ini tidak perlu dikirimkan kecuali ia diminta khas untuk pengesahan. Rekod yang tidak sempurna, atau jumlah yang berdasarkan anggaran, tidak akan diterima untuk kiraan cukai.

## **2. Bagaimana untuk saya menyimpan rekod?**

### **2.1 Akaun Bank**

Anda seharusnya menyimpan akaun bank yang berlainan untuk tujuan perniagaan dan kegunaan peribadi di mana akaun bank perniagaan digunakan hanya untuk transaksi perniagaan sahaja. Anda perlu menyimpan penyata bank atau buku akaun bank bagi transaksi perniagaan anda.

### **2.2 Pusing Ganti / Jualan**

Untuk memastikan rekod pusing ganti / jualan anda lengkap dan tepat bagi tujuan percukaian, anda perlu menyimpan perkara-perkara berikut:

- (a) Pita daftar tunai
- (b) Buku resit
- (c) Invois yang dikeluarkan
- (d) Buku bagi mencatat barang yang diambil untuk kegunaan peribadi
- (e) Nota kredit untuk barang yang dipulangkan
- (f) Penyata komisen Tahunan/Bulanan (ejen komisen)

#### **(a) Pita Daftar Tunai**

Mesin daftar tunai, yang mempunyai pita dalaman, boleh digunakan untuk mencatatkan semua jualan tunai anda. Anda perlu memastikan semua jualan tunai perlu dimasukkan ke dalam daftar tunai dan pita dalaman perlu disimpan sebagai dokumen rujukan.

Di penghujung hari, anda perlu mencatat semua jumlah resit di dalam buku tunai anda. Sekiranya ada ketidaksamaan antara pita dan rekod anda, anda perlu memberi keterangan bertulis dan sertakan bersama-sama pita tersebut.

## **(b) Buku resit**

Anda perlu mengeluarkan resit dicetak bersiri dan menyimpan salinannya jika pendapatan kasar anda dalam setahun melebihi \$18,000 dari jualan barang, atau \$12,000 dari pembekalan perkhidmatan.

Akan tetapi, anda tidak perlu mengeluarkan resit jika anda boleh memastikan pusing ganti anda lengkap dan tepat dengan melakukan salah satu daripada perkara berikut:

- (a) Menggunakan mesin daftar tunai untuk mencatat **semua** jualan tunai dan invois dikeluarkan untuk **semua** jualan kredit.
- (b) Memasukkan **semua** jualan ke dalam perisian perakaunan dan invois perlu dikeluarkan oleh sistem itu bagi semua transaksi jualan dan salinan invois perlu disimpan.
- (c) Sekiranya tiada mesin daftar tunai atau perisian perakaunan, buku catatan untuk jualan harian perlu disimpan untuk merekodkan **semua** jualan tunai dan kredit.

Anda perlu mengeluarkan resit kepada pelanggan jika mereka mahu. Bagi perniagaan yang berdaftar GST, anda perlu mengeluarkan **invois cukai** seperti yang dikehendaki oleh perundangan GST, kerana pengecualian daripada mengeluarkan resit tidak bermakna pengecualian daripada mengeluarkan invois cukai.

## **(c) Pengeluaran invois**

Invois perlu dikeluarkan untuk merekodkan semua jualan kredit anda. Anda boleh membuat invois anda sendiri dan mencetaknya atau anda boleh membeli invois pra-cetak dari pembekal alatulis.

Invois jualan perlu mengandungi maklumat berikut:

- (a) Nama perniagaan, alamat, nombor telefon dan nombor pendaftaran perniagaan
- (b) Nombor invois
- (c) Tarikh invois
- (d) Nama & alamat pelanggan
- (e) Keterangan barang, kuantiti dan harga
- (f) Tawaran diskaun tunai
- (g) Jumlah harga

Bagi perniagaan yang berdaftar GST, anda perlu mengeluarkan **invois cukai** sebagaimana diperlukan oleh perundangan GST. Untuk keterangan lanjut, anda boleh rujuk ke laman web IRAS bertajuk 'Keeping Proper Records' di bawah topik 'Information on Goods & Services Tax'.

#### **(d) Pemulangan Barang**

Adakala barang yang telah dijual mungkin akan dipulangkan semula disebabkan oleh kerosakan, kecacatan, pembekalan barang atau kuantiti yang salah. Anda boleh mengeluarkan samada nota kredit kepada pelanggan anda sebagai pembetulan untuk jumlah jualan ataupun, merekodkan transaksi ini ke dalam buku rekod jualan di bawah tajuk yang berlainan iaitu 'Pemulangan Barang'.

#### **(e) Pengambilan Barang untuk Kegunaan Peribadi**

Jika anda mengambil mana-mana barang yang dibeli, dihasilkan atau dikeluarkan oleh perniagaan anda bagi kegunaan peribadi, atau untuk ahli keluarga atau teman, ia perlu dimasukkan ke dalam rekod perniagaan. Harga jualan stok yang diambil bagi semua kegunaan peribadi perlu dimasukkan ke dalam jumlah jualan. Ini dapat dicapai dengan merekodkan butir-butir yang berkenaan di dalam buku "barang yang diambil untuk kegunaan peribadi". Butir-butir yang perlu dicatat adalah :

- (a) Tarikh barang yang diambil
- (b) Keterangan barang
- (c) Harga jualan barang

#### **(f) Penyata Tahunan/Bulanan Komisen bagi Ejen Komisen**

Jika anda adalah ejen komisen, contohnya ejen insurans, ejen hartanah, pengedar, remiser, anda perlu menyimpan penyata komisen tahunan atau bulanan yang disediakan oleh syarikat anda.

### **2.3 Pendapatan Sewa**

Secara amnya, anda hendaklah mengasingkan pendapatan sewa anda sebagai sumber pendapatan yang berlainan daripada pusing ganti perniagaan anda.

Tetapi, sekiranya anda mengendalikan pengurusan makanan seperti kedai kopi, kedai makan, dewan makan, yang menyewa beberapa gerai, anda perlu mengambil kira pendapatan sewa yang diterima sebagai pusing ganti perniagaan anda. Anda harus menyediakan perjanjian, menyatakan tempoh penyewaan dan jumlah sewa yang dipersetujui, dan ditandatangani oleh anda dan penyewa.

## **2.4 Pembelian**

Anda perlu menyimpan dokumen dan rekod bagi kesemua pembelian anda dengansempurna. Anda hendaklah memperoleh invois apabila membayar sebarang pembelian. Untuk kemudahan anda, anda boleh mengatur supaya segala pembayaran dibuat melalui bank akaun perniagaan anda.

Tetapi, bagi jumlah tunai yang sedikit digunakan untuk pembelian yang sedikit atau pelbagai barangan runcit, resit yang membuktikan pembelian barang tersebut harus disimpan. Sekiranya resit tidak menerangkan barang atau perkhidmatan yang diterima, anda perlu menyiapkan keterangan transaksi ke dalam resit.

Apabila pembekal atau penyelenggara perkhidmatan tidak mengeluarkan sebarang resit, baucar pembayaran tunai yang mengandungi tarikh, keterangan dan kos pembelian perlu disediakan dan disahkan oleh pembekal barang atau penyelenggara perkhidmatan. Anda juga harus menyimpan buku rekod pembelian untuk mencatat nama pembekal atau penyelenggara perkhidmatan, tarikh, keterangan barang atau perkhidmatan dan jumlah bayaran.

## **2.5 Perbelanjaan**

### **(a) Perbelanjaan Pengangkutan Awam**

Perbelanjaan pengangkutan awam yang dibelanjakan bagi tujuan perniagaan boleh layak untuk mendapat potongan cukai. Butir-butir berikut perlu direkodkan bagi setiap perjalanan:

- (a) Tarikh dan destinasi
- (b) Jenis kenderaan
- (c) Individu yang membelanjakannya
- (d) Tujuan perjalanan
- (e) Jumlah yang dibelanjakan

Resit-resit seperti resit teksi, yang mengesahkan perbelanjaan pengangkutan awam perlu disimpan. Anda boleh merujuk contoh Rekod Perbelanjaan Pengangkutan Awam Bulanan di **Lampiran 1**.

### **(b) Perbelanjaan Perjalanan**

Perbelanjaan perjalanan ke luar negara yang dibelanjakan bagi tujuan perniagaan boleh layak untuk mendapat potongan cukai. Butir-butir berikut perlu dicatat bagi setiap perjalanan:

- (a) Tarikh dan destinasi
- (b) Jenis kenderaan

- (c) Individu yang membelanjakan
- (d) Tujuan dan tempoh perjalanan ke luar negara
- (e) Jumlah yang dibelanjakan

Resit-resit atau dokumen perjalanan yang mengesahkan perbelanjaan perjalanan anda, termasuk makanan & tempat tinggal perlu disimpan. Anda boleh merujuk contoh Rekod Perbelanjaan Perjalanan Bulanan di **Lampiran 2**.

### **(c) Perbelanjaan Hiburan**

Perbelanjaan hiburan yang dibelanjakan bagi tujuan perniagaan boleh layak untuk mendapat potongan cukai. Butir-butir berikut perlu dicatat:

- (a) Tarikh dan tempat hiburan
- (b) Nama individu yang terlibat
- (c) Tujuan hiburan
- (d) Individu yang membelanjakan
- (e) Jumlah yang dibelanjakan

Invois atau resit yang mengesahkan perbelanjaan hiburan anda perlu disimpan. Simpanan slip kad kredit dan penyata kad kredit tidak boleh diterima. Anda boleh merujuk contoh Rekod Perbelanjaan Hiburan Bulanan di **Lampiran 3**.

### **(d) Imbuhan Pekerja dan Sumbangan CPF Majikan**

Imbuhan pekerja adalah termasuk upah, gaji, bonus, komisen dan elaun. Anda perlu menyimpan rekod yang mencukupi seperti baucar bayaran atau jadual imbuhan, untuk tuntutan perbelanjaan imbuhan, dan penyata CPF untuk tuntutan bagi sumbangan CPF anda sebagai majikan. Anda boleh menggunakan rekod ini untuk menyediakan Pulangan daripada Imbuhan Pekerja (Borang IR8A). Anda boleh merujuk contoh Rekod Imbuhan Bulanan Pekerja di **Lampiran 4**.

## **2.6 Aset**

Perniagaan biasanya mempunyai beberapa jenis aset seperti loji dan peralatan serta kenderaan bermotor. Anda perlu menyimpan butir-butir dan dokumen yang berikut bagi setiap aset:

- (a) Tarikh pembelian dan kos
- (b) Tarikh jualan dan harga jualan
- (c) Salinan kontrak jual -beli.

Anda dinasihatkan untuk menyediakan jadual aset tetap pada masa pembelian atau pada waktu permulaan perniagaan untuk mencatat barang

yang diperolehi, tarikh pembelian dan kos. Anda boleh merujuk contoh Jadual Aset Tetap di **Lampiran 5**.

Jumlah yang dibelanjakan untuk pembelian aset tetap adalah perbelanjaan modal dan tidak boleh dipotong bagi tujuan percukaian. Bagaimanapun, anda boleh membuat tuntutan elaun modal. Anda boleh merujuk bahagian 8 dalam "Mengisi Borang Cukai Pendapatan" dalam hal pengiraan elaun modal.

## **2.7 Stok Perdagangan**

Stok perdagangan termasuk barang dihasilkan, dibuat, diperolehi atau dibeli untuk tujuan penjualan. Stok fizikal hendaklah dikira pada setiap penghujung tahunan akaun untuk menentukan jumlah yang tepat bagi stok penutup. Anda boleh merujuk contoh senarai stok di **Lampiran 6**. Stok penutup untuk tahun semasa adalah stok permulaan untuk tahun berikutnya.

## **3. Bagaimana untuk saya menggunakan rekod yang disimpan?**

Pada penghujung tahun, anda boleh menggunakan set rekod perniagaan untuk menyediakan penyata akaun.

## **4. Apakah penyata akaun yang disahkan?**

Penyata akaun yang disahkan adalah Penyata Untung Rugi dan Lembaran Imbangan yang ditandatangani oleh anda, dan disahkan oleh anda bahawa akaun-akaunnya adalah benar dan betul. Sila rujuk **Lampiran 7.1 hingga 7.4** di dalam Panduan.

Penyata untung rugi menunjukkan hasil perniagaan bagi sesuatu tahun. Sekiranya jumlah pusing ganti melebihi jumlah perbelanjaan, hasilnya adalah untung bersih. Sekiranya jumlah perbelanjaan melebihi nilai pusing ganti, hasilnya adalah rugi bersih. Anda boleh merujuk contoh penyata akaun (untuk mengikuti contoh diberikan di dalam panduan Borang B).

Sesetengah perbelanjaan perniagaan tidak boleh dipotong bagi tujuan percukaian. Apabila menyediakan borang cukai pendapatan, anda perlu memastikan hanya perbelanjaan yang dibenarkan ipotong sahaja dituntut. Sila rujuk Bahagian 6.3 dalam 'Mengisi Borang Cukai Pendapatan' untuk maklumat lanjut.

Lembaran Imbangan menunjukkan aset, hutang dan ekuiti milik perniagaan anda di penghujung tempoh perakaunan.

Anda boleh merujuk bantuan profesional perakaunan untuk menyediakan penyata akaun yang sempurna untuk anda.

## Mengisi Borang Cukai Pendapatan

### 1. Saya baru sahaja memulakan perniagaan. Adakah saya perlu memberitahu IRAS mengenainya?

Anda tidak perlu memberitahu IRAS sebaik sahaja anda memulakan perniagaan anda. Borang Cukai Pendapatan (Borang B atau B1) akan dihantar kepada anda di awal tahun hadapan, biasanya sebelum 15hb Mac, untuk anda melaporkan pendapatan anda.

Tetapi, sekiranya anda tidak menerima borang cukai pendapatan sebelum 15hb Mac setiap tahun, anda boleh muat turun "Registration Form for New Individual Taxpayer" (Borang Pendaftaran untuk Pembayar Cukai Individu Baru) dari laman web kami, isikannya dan kirimkan kepada kami melalui faks atau pos.

### 2. Bilakah pendapatan perniagaan saya akan dikenakan cukai?

Pendapatan anda akan dikenakan cukai pada tahun berikutnya. Sebagai contoh, pendapatan anda pada tahun 2007 akan dikenakan cukai pada tahun 2008, yang dikenali sebagai Tahun Taksiran 2008.

### 3. Tempoh perakaunan apakah yang harus saya gunakan?

Tempoh perakaunan adalah tempoh operasi perdagangan/perniagaan di mana anda mengira keuntung atau kerugian anda. Anda harus menentukan tempoh perakaunan anda semasa memulakan perniagaan anda. Kebiasaannya tempoh perakaunan berakhir pada 31hb Disember setiap tahun. Tetapi, jika anda ingin menutup akaun anda pada tarikh selain dari 31hb Disember, contohnya 31hb Mac, tempoh perakaunan dan Tahun Taksiran anda adalah seperti berikut:

Tempoh Perakaunan Pertama	01.04.06 hingga 31.03.07	Tahun Taksiran 2008
Tempoh Perakaunan Kedua	01.04.07 hingga 31.03.08	Tahun Taksiran 2009
Tempoh Perakaunan Ketiga	01.04.08 hingga 31.03.09 dan seterusnya	Tahun Taksiran 2010

### 4. Bagaimana sekiranya saya membuka akaun di dalam mata wang asing?

Sekiranya akaun kewangan disediakan di dalam matawang selain daripada Dolar Singapura, anda hendaklah memastikan Penyata Akaun yang disahkan

disiapkan di dalam matawang tersebut. Walau bagaimanapun, anda perlu melaporkan penyata 4-baris di dalam matawang Singapura dalam borang cukai pendapatan anda.

Senarai kadar tukaran purata boleh didapati di laman web IRAS (<http://www.iras.gov.sg>) di bawah tajuk 'Kadar Tukaran Purata'. Anda boleh menggunakan kadar tersebut sekiranya tidak ada kadar tukaran sebenarnya. Anda juga boleh mendapatkan kadar tukaran purata dengan menggunakan templat yang terdapat di laman web MAS (<http://www.mas.gov.sg>).

#### **5. Dimanakah harus saya melaporkan pendapatan perniagaan saya?**

Sebagai individu bekerja sendiri, pendapatan perniagaan dikira sebahagian daripada jumlah keseluruhan pendapatan yang anda perolehi secara sendirian dan ianya dikenakan cukai kadar pendapatan persendirian.

Untuk perniagaan pemilik tunggal, anda perlu melaporkan pendapatan perniagaan di dalam borang cukai pendapatan (Borang B) di bawah tajuk "Pemilik Tunggal" di bahagian "Perdagangan, Perniagaan, Kekaryawan atau Kejuruan." Sekiranya anda menerima Borang B1, anda hendaklah melaporkan pendapatan perniagaan di bahagian "Lain-lain Pendapatan" dan mengisi butir-butir di Lampiran 1 yang dilampirkan bersama Borang B1.

Untuk perniagaan perkongsian, rakan kongsi yang utama perlu melaporkan pendapatan perkongsian di dalam Borang P. Sebagai rakan kongsi, anda juga perlu melaporkan bahagian pendapatan dari perkongsian anda di dalam borang cukai pendapatan individu (Borang B) anda di bahagian "Perkongsian" dalam bahagian "Perdagangan, Perniagaan, Kekaryawan atau Kejuruan." Bahagian pendapatan daripada perkongsian anda adalah jumlah hasil agihan untung/rugi, gaji, CPF, faedah, sewaan, dan lain-lain pendapatan di Singapura yang diraih dari perniagaan perkongsian ini.

#### **6. Bagaimanakah harus saya melaporkan pendapatan perniagaan saya?**

Anda perlu melaporkan pendapatan perniagaan pemilikan tunggal/perkongsian anda dalam penyata ringkasan 4-baris seperti berikut:

Pusing Ganti  
Untung/Rugi Kasar  
Perbelanjaan Perniagaan yang Dibenarkan  
Untung/Rugi yang Dilaraskan

Sekiranya pusing ganti bagi pemilikan tunggal adalah kurang daripada \$100,000, anda hanya perlu melaporkan ringkasan penyata 2-baris iaitu pusing ganti dan untung/rugi yang dilaraskan.

## 6.1 Pusing Ganti

Pusing Ganti merupakan jumlah kesemua wang penerimaan anda sebelum dipotong sebarang perbelanjaan perniagaan. Jumlah kesemua wang adalah termasuk semua pendapatan walaupun ianya belum diterima. Jika anda berdaftar GST, jumlah keseluruhan wang penerimaan adalah tidak termasuk GST yang diperolehi dari pelanggan (iaitu cukai keluaran). Pusing Ganti termasuk:

- Semua pembayaran bagi jualan dan kerja yang dilakukan
- Yuran dan komisen bagi perkhidmatan yang diberikan

Jika pusing ganti perniagaan anda berjumlah \$500,000 atau lebih, anda perlu mengirim Penyata Akaun yang disahkan oleh anda beserta borang cukai pendapatan individu anda.

Jika pusing ganti perniagaan anda kurang dari \$500,000, anda tidak perlu menghantar Penyata Akaun yang disahkan oleh anda tetapi anda masih perlu menyediakannya.

Anda harus menyimpan rekod transaksi perniagaan anda walau apapun jumlah pusing ganti anda. Atas permintaan kami, anda perlu mengirim rekod-rekod ini kepada kami.

## 6.2 Untung/Rugi Kasar

Keuntungan/Kerugian kasar adalah jumlah pusing ganti selepas potongan kos barang jualan. Tetapi, jika perniagaan anda hanya merangkumi bekalan perkhidmatan, keuntungan kasar adalah jumlah pusing ganti anda.

Contoh 1:

Pusing Ganti	\$	\$
		30,000
Tolak: <u>Kos Barangan yang dijual</u>		
Stok Permulaan	10,000	
Pembelian	5,000	
Stok Penutup	<u>(7,000)</u>	
Kos Barangan dijual		<u>8,000</u>
Untung Kasar/(Rugi)		<u>22,000</u>

Jika anda berdaftar GST, jumlah pembayaran GST yang dikenakan bagi setiap pembelian (iaitu cukai kemasukan) haruslah dikecualikan dari jumlah pembelian.

### 6.3 Perbelanjaan yang Dibenarkan

Perbelanjaan yang boleh ditolak termasuk perbelanjaan dan elaun modal yang dikeluarkan sepenuhnya dan secara eksklusif untuk menghasilkan pendapatan anda. Beberapa contoh perbelanjaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan bagi individu bekerja sendiri adalah:

Perbelanjaan Perniagaan yang Dibenarkan	Perbelanjaan Perniagaan yang Tidak Dibenarkan
<b>Kos Pekerja</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gaji, bonus, elaun pekerja</li> <li>• Sumbangan wajib CPF sebagai majikan</li> <li>• Bayaran faedah pemberhentian</li> <li>• Insurans bagi pekerja</li> <li>• Yuran perubatan pekerja sehingga 1% daripada jumlah imbuhan (2% jika anda adalah pemegang Skim Faedah Perubatan Mudah Alih atau Skim Insurans Perubatan Dibolehkan Pindahmilik)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan CPF majikan melebihi paras undang-undang</li> <li>• Yuran perubatan pekerja yang melebihi 1% daripada jumlah imbuhan (2% jika anda adalah pemegang Skim Faedah Perubatan Mudah Alih atau Skim Insurans Perubatan Dibolehkan Pindahmilik)</li> <li>• Gaji, bonus, elaun dan sumbangan MediSave/CPF peribadi anda</li> <li>• Pengeluaran wang dari perniagaan, yuran perubatan, cukai pendapatan, insurans dan derma peribadi anda.</li> </ul>
<b>Kos Asas</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewa, utiliti dan bil telefon untuk perniagaan</li> <li>• Alat tulis dan yuran pos</li> <li>• Kos pengiklanan</li> <li>• Penyelenggaraan bagi premis perniagaan, peralatan dan jentera</li> <li>• Penyelenggaraan bagi kenderaan bermotor seperti motosikal, pikap, van, bas, lori dan kereta berplet Q dengan COE yang dikeluarkan sebelum 1hb Apr 1998</li> <li>• Kos perjalanan menggunakan kenderaan awam bagi tujuan perniagaan</li> <li>• Pembaikan dan penyelenggaraan aset bagi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan peribadi seperti makanan, barang rumah, hiburan untuk anda sendiri, ahli keluarga dan teman</li> <li>• Perbelanjaan permulaan perniagaan seperti yuran lesen, yuran pendaftaran, yuran papan tanda</li> <li>• Kos penyelenggaraan kenderaan peribadi</li> <li>• Kos perjalanan ke dan dari rumah anda</li> <li>• Perbelanjaan menggunakan kereta sewa peribadi, kereta peribadi (kereta berplet E atau S) dan kereta berplet Q dengan COE dikeluarkan pada atau selepas 1hb Apr 1998</li> </ul>

<p>tujuan perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hutang dagangan yang menjadi tidak elok atau tidak dipulihkan semasa tahun perakaunan.</li> <li>• Elaun modal untuk aset tetap yang dibeli bagi kegunaan perniagaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pembelian aset tetap untuk kegunaan perniagaan</li> <li>• <b>Susutnilai aset tetap *</b></li> <li>• Kos pengubahsuaian</li> </ul>
--	--

\*Anda dibenarkan membuat tuntutan terhadap elaun modal bagi perbelanjaan ini. Sila rujuk contoh elaun modal di bahagian 8 hingga 10.

Kos Kewangan & Profesional	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faedah ke atas pinjaman untuk kegunaan perniagaan</li> <li>• Faedah pembiayaan sewabeli</li> <li>• Yuran perakaunan</li> <li>• Yuran perundangan dalam melangsaikan hutang dagang, pembaharuan sewa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faedah pinjaman untuk kegunaan peribadi</li> <li>• Pembayaran balik pinjaman</li> <li>• Yuran perundangan dan duti stem ke atas perjanjian sewabeli yang baru</li> <li>• Saman dan denda</li> <li>• Sumbangan modal atau pengeluaran wang</li> </ul>

Jika anda adalah individu GST berdaftar, jumlah perbelanjaan dibenarkan harus mengecualikan bayaran GST ke atas perbelanjaan perniagaan (i.e. cukai input)

#### **6.4 Untung/Rugi Yang Dilaraskan**

Untung/Rugi yang dilaraskan adalah jumlah setelah ditolak untung/rugi kasar dengan perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan dan sebarang elaun modal yang dituntut.

#### **7. Apakah itu elaun modal?**

Perniagaan yang memiliki aset yang berlayak boleh membuat tuntutan bagi potongan tahunan untuk kegunaan aset tersebut bagi tujuan perniagaan. Jumlah yang dibelanjakan dalam pembelian aset tetap ini adalah kos modal, oleh itu anda tidak dibenarkan membuat tuntutan terhadap kos yang dibelanjakan. Akan tetapi, anda boleh membuat tuntutan terhadap elaun modal bagi kehausan dan kelusuhan aset tetap yang dibeli dan digunakan di dalam perniagaan.

Jika anda adalah individu berdaftar GST, anda perlu mengecualikan bayaran GST bagi aset yang dibeli apabila membuat pengiraan elaun modal.

## **8. Bagaimana untuk mengira elaun modal?**

Terdapat 3 cara untuk mengira elaun modal:

### **8.1 Hapus Kira dalam Setahun**

Kos keseluruhan aset akan dituntut sebagai elaun modal dalam setahun. Ia hanya layak bagi perbelanjaan modal untuk komputer, peralatan tambahan komputer, mesin faks dan lain-lain peralatan automasi.

Untuk setiap aset tetap yang berharga tidak lebih dari \$1000, tuntutan untuk hapuskira dalam setahun hendaklah tidak melebihi \$30,000 untuk setiap tahun taksiran.

### **8.2 Hapus Kira dalam Tiga Tahun**

Secara umumnya, kebanyakan aset tetap layak bagi hapus kira dalam jangkamasa 3 tahun (kecuali kereta, motorsikal & kenderaan pengangkutan ringan yang beratnya tidak melebihi 3,000 kilogram). Kos keseluruhan bagi aset tersebut layak untuk tuntutan elaun modal dalam jangkamasa tiga tahun. Contoh 2: Membeli penghawa dingin berharga \$3,000 dalam tahun 2007.

Elaun modal yang boleh dituntut setiap tahun adalah \$1,000 ( $\$3,000/3$ ) seperti berikut:-

<b>Tahun Taksiran</b>	<b>Elaun Tahunan (\$)</b>
2008	1,000
2009	1,000
2010	1,000

Oleh kerana keseluruhan kos penghawa dingin sudah dituntut sepenuhnya dalam jangkamasa 3 tahun, tiada elaun tahunan boleh dituntut dari tahun taksiran 2011.

### **8.3 Hapuskira Dalam Jangkamasa Hayat Kerja Aset**

Kaedah ini boleh digunakan untuk kenderaan bermotor seperti van, pikap, trak, bas, lori dan kereta berplet Q dengan COE yang dikeluarkan sebelum 1hb April 1998. Elaun modal tidak boleh dituntut untuk kenderaan peribadi (seperti, kereta berplet S).

Di dalam tahun pembelian, anda boleh membuat tuntutan elaun permulaan sebanyak 20% daripada kos aset. Anda juga dibolehkan membuat tuntutan elaun tahunan yang dikira sebanyak 80% daripada kos dan dibahagi dengan hayat kerja aset tersebut.

Aset	Hayat Kerja (Jumlah Tahun)
Teksi	5
Bas, Lori, Trak, Treler dan Van	6
Kereta berplet Q dengan COE yang dikeluarkan sebelum 1hb April 1998	6
Motosikal dan Basikal	8

Pada tahun yang berikutnya, anda boleh teruskan membuat tuntutan untuk elaun tahunan sehingga tempoh tahun kerja hayat aset tersebut. Jumlah elaun tahunan tersebut untuk setiap tahun adalah sama.

Rekod yang perlu disimpan adalah termasuk:

- (a) Perjanjian jualbeli yang asal atau invois
- (b) Perjanjian sewabeli
- (c) Elaun modal/jadual kehausan dan kelusuhan

Contoh 3: Membeli sebuah van dengan harga \$45,000 dalam tahun 2007. Hayat kerja: 6 tahun.

	Tahun Taksiran						Jumlah
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
Elaun Permulaan (20% daripada 45,000)	9,000	-	-	-	-	-	9,000
Elaun Tahunan (80% x 45,000/6)	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	36,000
<b>Jumlah Elaun Modal</b>	<b>15,000</b>	<b>6,000</b>	<b>6,000</b>	<b>6,000</b>	<b>6,000</b>	<b>6,000</b>	<b>45,000</b>

Oleh kerana kos van tersebut telah dituntut sepenuhnya dalam jangkamasa 6 tahun, tiada elaun tahunan yang boleh dituntut dari Tahun Taksiran 2014 dan seterusnya.

## 9 Bagaimana sekiranya saya membeli aset dengan sewabeli?

Anda masih boleh membuat tuntutan elaun modal berdasarkan kos aset yang dibeli secara perjanjian sewabeli. Tetapi, anda harus mengecualikan jumlah faedah sewabeli bila membuat pengiraan elaun modal. Jumlah faedah sewabeli harus dituntut sebagai perbelanjaan dalam Penyata Untung dan Rugi.

Contoh berikut menunjukkan 3 kaedah pengiraan elaun modal dibeli secara perjanjian sewabeli:

### 9.1 Hapus Kira dalam Setahun

Jumlah elaun modal yang boleh anda tuntutan adalah 100% pembayaran imbalan yang dibuat pada tahun itu.

Contoh 4: Membeli sebuah komputer berharga \$3,000 dalam tahun 2007 secara perjanjian sewabeli seperti berikut:

Harga tunai	:	\$3,000	
Bayaran muka	:	\$ 300	
Faedah sewabeli	:	\$ 600	
Harga sewabeli	:	\$3,600	
Jumlah bayaran bagi setiap ansuran	:	\$ 275	
Jumlah bilangan ansuran	:	12	
4 ansuran dibayar dalam tahun pertama	:	4 x \$275	= \$1,100
8 ansuran dibayar dalam tahun kedua	:	8 x \$275	= \$2,200
Faedah sewabeli dalam tahun pertama	:	\$600/12 x 4	= \$200
Faedah sewabeli dalam tahun kedua	:	\$600/12 x 8	= \$400

	Tahun Taksiran		Jumlah
	2008	2009	
Bayaran muka	300	-	300
Tambahan: Jumlah bayaran ansuran	1,100	2,200	3,300
Potongan: Faedah sewabeli	200	400	600
<b>Elaun Tahunan</b>	<b>1,200</b>	<b>1,800</b>	<b>3,000</b>

Oleh kerana kos komputer tersebut telah dituntut sepenuhnya dalam jangkamasa dua tahun, tiada elaun tahunan yang boleh dituntut dari Tahun Taksiran 2010 dan seterusnya.

### 9.2 Hapus Kira dalam Tiga Tahun

Jumlah elaun modal yang boleh dituntut adalah berdasarkan jumlah pembayaran imbalan dalam tahun tersebut setelah ditolak faedah sewabeli dan dibahagi samarata selama 3 tahun.

Contoh 5: Membeli sebuah penghawa dingin berharga \$3,000 dalam tahun 2007 secara perjanjian sewabeli seperti Contoh 4 (iaitu \$1,200 dan \$1,800 seperti Contoh 4) samarata selama 3 tahun seperti berikut: -

	Tahun Taksiran				Jumlah
	2008	2009	2010	2011	
Elaun Tahunan (\$1,200/3)	400	400	400	–	1,200
Elaun Tahunan (\$1,800/3)	–	600	600	600	1,800
<b>Elaun Tahunan</b>	<b>400</b>	<b>1,000</b>	<b>1,000</b>	<b>600</b>	<b>3,000</b>

### 9.3 Hapuskira dalam Jangkamasa Hayat Kerja Aset

Contoh 6: Membeli sebuah lori berharga \$45,000 dalam tahun 2007 secara perjanjian sewabeli seperti berikut:

Tarikh kuatkuasa sewabeli	: 28.9.07
Harga tunai	: \$45,000
Bayaran muka	: \$15,000
Faedah sewabeli	: \$3,000
Jumlah bilangan ansuran	: 24
Jumlah bagi setiap bayaran ansuran	: \$1,375
Jumlah ansuran dalam tahun 2007	: 4
Jumlah ansuran dalam tahun 2008	: 12
Jumlah ansuran dalam tahun 2009	: 8
Hayat Kerja	: 6 tahun

	Tahun Taksiran						Jumlah
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
Bayaran muka	15,000	–	–	–	–	–	15,000
Tambahan: Jumlah bayaran ansuran <sup>1</sup>	5,500	16,500	11,000	–	–	–	33,000
Potongan: Faedah sewabeli <sup>2</sup>	500	1,500	1,000	–	–	–	3,000
Bayaran tidak termasuk faedah sewabeli	20,000	15,000	10,000	–	–	–	45,000
Elaun Permulaan <sup>3</sup>	4,000	3,000	2,000	–	–	–	9,000
Elaun Tahunan <sup>4</sup>	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	36,000
<b>Jumlah Elaun Modal</b>	<b>10,000</b>	<b>9,000</b>	<b>8,000</b>	<b>6,000</b>	<b>6,000</b>	<b>6,000</b>	<b>45,000</b>

<sup>1</sup> Bayaran ansuran yang dibayar = Bilangan ansuran yang dibayar x \$1,375

<sup>2</sup> Faedah sewabeli = yang dibayar x \$3,000/24

<sup>3</sup> Elaun Permulaan = 20% x (Bayaran tidak termasuk faedah sewabeli)

<sup>4</sup> Elaun Tahunan = 80% x Harga Tunai/Hayat kerja

### 10. Bagaimana sekiranya saya menjual atau melupus aset tetap saya?

Jika anda menjual atau melupus aset tetap anda yang telah anda menuntut elaun modal, anda perlu mengira Elaun Imbangan (BA) atau Caj

Imbangan(BC). BA atau BC adalah perbezaan antara Nilai Catatan Cukai (TWDV) dan hasil jualan atau pelupusan.

Nilai Catatan Cukai ialah kos sebenar aset dan ditolak dengan elaun modal yang telah dibenarkan.

### **10.1 Elaun Imbangan (BA)**

Elaun Imbangan ialah baki Nilai Catatan Cukai melebihi hasil jualan dan ia boleh dituntut potongan.

<u>Contoh 7:</u>	\$
Kos aset	6,000
Potongan: Jumlah elaun modal yang dibenarkan	<u>4,000</u>
TWDV pada tarikh 31.12.06	2,000
Potongan: Harga jualan dalam tahun 2007	<u>1,000</u>
BA	<u><u>1,000</u></u>

Apabila harga jualan adalah kurang dari Nilai Catatan Cukai, anda boleh membuat tuntutan terhadap elaun imbangan sebanyak \$1,000 dalam Tahun Taksiran 2008.

### **10.2 Caj Imbangan (BC)**

Caj Imbangan ialah baki daripada hasil jualan melebihi Nilai Potongan Cukai dan ia akan dikenakan cukai.

<u>Contoh 8:</u>	\$
Kos aset	6,000
Potongan: Jumlah elaun modal yang dibenarkan	<u>4,000</u>
TWDV pada tarikh 31.12.06	2,000
Potongan: Harga jualan dalam tahun 2007	<u>3,000</u>
BC	<u><u>1,000</u></u>

Tetapi, caj imbangan akan dihadkan kepada jumlah elaun modal sebenar yang telah dituntut sebelum ini.

<u>Contoh 9:</u>	\$
Kos aset	3,000
Potongan: Jumlah elaun modal yang dibenarkan	<u>1,000</u>
TWDV pada tarikh 31.12.06	2,000
Potongan: Harga jualan dalam tahun 2007	<u>3,500</u>
	<u><u>1,500</u></u>

BC (terhad kepada jumlah elaun modal yang 1,000  
dibenarkan)

---

### **11. Bagaimana jika saya mengalami kerugian dalam perniagaan?**

Jika anda mengalami kerugian perniagaan selepas ditolak perbelanjaan yang dibenarkan dan sebarang elaun modal yang telah dituntut, kerugian perniagaan ini boleh diimbangi dengan pendapatan lain seperti pekerjaan, faedah, dividen dan pendapatan sewaan dalam tahun yang sama.

Jika pendapatan anda yang lain tidak cukup untuk mengimbangi kerugian perniagaan anda sepenuhnya, anda boleh bawa kira elaun modal dan kerugian yang tidak diserap itu ke tahun hadapan untuk diimbangi dengan pendapatan tahun itu. Akan tetapi jika perniagaan anda sudah berhenti, anda hanya dibenarkan membawa kira kerugian yang tidak diserap dan bukan elaun modal ke tahun selepasnya.

Kaedah ini tidak digunakan untuk syarikat sewa kereta dan perniagaan pembimbing kereta persendirian. Sebarang kerugian dan elaun modal yang tidak diserap hanya boleh dibawa kira sebagai potongan ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan yang sama pada tahun taksiran berikutnya. Jika perniagaan tersebut sudah berhenti, sebarang kerugian dan elaun modal yang tidak diserap akan diabaikan. Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila rujuk kepada 'Perubahan ke atas Kemudahan Cukai Kereta walhasil Rasionalisasi Kenderaan' ('Changes in tax treatment of Motor Cars consequent to Vehicle Rationalisation' di bahagian Panduan E-Tax (E-Tax Guide) dalam laman web IRAS.

Pasangan suami isteri boleh memindahkan kelebihan kerugian perniagaan dan elaun modal antara satu sama lain jika terdapat baki jumlah yang tidak dapat diimbangkan sepenuhnya oleh pendapatan pasangan pada tahun itu. Untuk keterangan lanjut anda boleh merujuk Edaran IRAS 'Edaran IRAS mengenai perubahan kepada pentaksiran pendapatan suami isteri sebagai individu berasingan' ('IRAS Circular on change to assess the income of a husband and wife as a separate individuals').

Kerugian dagang dan elaun modal tahun semasa yang tidak digunakan boleh dibawa kira ke tahun taksiran setahun sebelum tahun taksiran di mana kerugian dagang dan elaun modal timbul untuk diimbangkan dengan pendapatan Tahun Taksiran sebelumnya.

Ciri-ciri utama skim ini adalah:

- (a) Kerugian dan elaun modal hanya boleh dibawa kira ke satu tahun taksiran sebelum tahun taksiran di mana kerugian timbul atau elaun modal diluluskan.

- (b) Jumlah maksima bagi kerugian dan elaun modal yang dibawa kira ke tahun sebelumnya adalah dihadkan sebanyak \$100,000.
- (c) Kemudahan kerugian yang dibawa kira ke tahun sebelumnya akan diberikan ke atas tuntutan dalam tempoh.
- (d) Kemudahan kerugian yang dibawa kira sebelumnya terbuka bagi semua perniagaan, termasuk pemilik tunggal dan rakan kongsi dalam perkongsian. (termasuk perkongsian liabiliti terhad).

Rujuk kepada edaran IRAS mengenai 'Sistem Pelepasan Bawa-Ke-Belakang' ('Carry-Back Relief System') untuk keterangan lanjut.

**Sumbangan Medisave**

**1. Perlukah saya menyumbang kepada Medisave?**

Anda perlu menyumbang kepada Medisave jika anda:

- (a) Individu bekerja sendiri
- (b) Warganegara Singapura atau penduduk tetap Singapura; dan
- (c) Memperolehi pendapatan bersih dagangan melebihi \$6,000 setahun.

Pendapatan bersih dagangan adalah pendapatan dagangan kasar ditolak keseluruhan perbelanjaan yang dibenarkan, elaun modal dan kerugian dagangan yang ditetapkan oleh IRAS.

IRAS akan menghantar "Notis Pengiraan" ('Notice Of Computation') kepada anda selepas menaksir pendapatan sebenar anda untuk Tahun Taksiran berkenaan, untuk memaklumkan anda jumlah Medisave yang perlu disumbangkan kepada CPF. Anda boleh menghubungi lembaga CPF mengenai pembayaran Medisave.

**2. Berapakah jumlah yang harus saya sumbangkan?**

Jumlah Medisave yang harus anda sumbang bergantung kepada kadar sumbangan wajib CPF yang telah ditetapkan. Kadar sumbangan Medisave bagi tahun 2007 adalah seperti berikut:

Pendapatan Dagangan Bersih Tahunan	Umur pada tarikh 1 Jan 2007		
	Di bawah 35 tahun	35 hingga di bawah 45 tahun	45 tahun ke atas

Melebihi \$6,000 hingga ke \$12,000	2.17%	2.5%	2.83%
Melebihi \$12,000 hingga ke \$18,000	Antara 2.17% Dan 6.5%	Antara 2.5% Dan 7.5%	Antara 2.83% Dan 8.5%
Melebihi \$18,000	6.5% (hingga maksima \$3,510)	7.5% (hingga maksima \$4,050)	8.5% (maksimum sehingga maksima \$4,590)

**3. Bolehkah saya membuat tuntutan pelepasan cukai terhadap sumbangan Medisave dan sumbangan secara sukarela kepada CPF?**

Sebagai individu bekerja sendiri, anda boleh membuat tuntutan pelepasan cukai bagi sumbangan CPF, wajib dan sukarela, sehingga jumlah kadar sumbangan wajib CPF (34.5% bagi Tahun Taksiran 2008) daripada pendapatan dagangan bersih ditaksir, atau had pelepasan tabung simpanan bagi tahun itu [\$26,393 bagi Tahun Taksiran 2008], yang mana lebih rendah.

Bagi kadar dan had pelepasan tabung simpanan bagi Tahun Taksiran berikutnya, sila rujuk laman web IRAS.

Kami akan membenarkan Pelepasan Tabung Simpanan berdasarkan pada tarikh sumbangan anda ke dalam akaun CPF. Contohnya, jika anda ingin membuat tuntutan terhadap pelepasan tabung simpanan dalam Tahun Taksiran 2008, sumbangan CPF anda perlu dibuat sebelum 31.12.2007.

Kami akan membenarkan pelepasan tersebut secara automatik berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Lembaga CPF, tetapi jumlah yang dibenarkan bergantung kepada had maksimumnya. Anda tidak perlu membuat tuntutan pelepasan dalam borang cukai pendapatan anda.

**4. Jika saya seorang pekerja dan juga bekerja sendiri, berapakah jumlah pelepasan cukai yang boleh saya tuntutan untuk sumbangan Medisave dan sumbangan sukarela CPF yang telah saya buat sebagai individu bekerja sendiri?**

Jika gabungan sumbangan wajib CPF anda sebagai pekerja serta sumbangan Medisave wajib anda sebagai individu bekerja sendiri adalah **kurang** daripada jumlah had pelepasan CPF bagi individu bekerja sendiri, pelepasan cukai akan dibenarkan untuk sumbangan sukarela CPF, tidak melebihi had pelepasan tabung simpanan.

Contoh 10:

En T berusia 30 tahun. Beliau seorang pekerja bergaji serta bekerja sendiri. Pendapatan pekerjaan dan pendapatan dagangan bersih beliau bagi tahun 2007 adalah seperti berikut:

Pendapatan pekerjaan	\$40,000
Pendapatan dagangan bersih	\$90,000

Pada tahun 2007 beliau telah menyumbang kepada CPF sebagai pekerja dan individu bekerja sendiri seperti berikut:

Sumbangan wajib CPF hasil dari pekerjaan	=	\$8,000 (iaitu 20% x \$40,000)
Sumbangan wajib Medisave sebagai individu bekerja sendiri	=	\$3,510 (bagi golongan umurnya, beliau perlu menyumbang 6.5% daripada pendapatan dagangan bersih, tidak melebihi maksima \$3,510)
Sumbangan sukarela CPF sebagai individu bekerja sendiri	=	\$20,000
Jumlah sumbangan CPF beliau	=	\$31,510

Tetapi, pelepasan CPF bagi En T akan dihadkan kepada \$26,393, yang dikira seperti berikut:

Sumbangan wajib CPF hasil dari pekerjaan	=	\$8,000
Sumbangan wajib Medisave	=	\$3,510
Sumbangan sukarela sebagai individu bekerja sendiri	=	\$14,883
Jumlah pelepasan CPF yang dibenarkan	=	\$26,393

Jika gabungan sumbangan wajib CPF anda sebagai pekerja serta sumbangan wajib Medisave anda sebagai individu bekerja sendiri adalah **melebihi** had pelepasan tabung simpanan bagi individu bekerja sendiri, pelepasan cukai akan dibenarkan hanya untuk sumbangan wajib. Anda tidak boleh membuat tuntutan pelepasan bagi sumbangan sukarela CPF.

## Kesalahan dan Hukuman

### 1. KEGAGALAN UNTUK MENYIMPAN REKOD DENGAN SEMPURNA

Kegagalan untuk menyimpan rekod dengan sempurna, jika didapati bersalah individu itu akan dikenakan denda tidak melebihi \$1,000 dan jika denda tidak dibayar akan dipenjarakan untuk jangkamasa tidak melebihi dari 6 bulan.

### 2. KEGAGALAN UNTUK MEMBERI NOTIS LAPORAN PENDAPATAN

Kegagalan untuk memberi notis laporan pendapatan cukai, jika didapati bersalah individu itu akan dikenakan denda tidak melebihi \$1,000 dan jika denda tidak dibayar akan dipenjarakan untuk jangkamasa tidak melebihi dari 6 bulan.

### **3. MEMBERI MAKLUMAT YANG SALAH DALAM BORANG CUKAI TANPA SEBARANG SEBAB YANG MUNASABAH**

Dengan memberi maklumat yang salah dalam borang cukai tanpa sebarang sebab yang munasabah, jika didapati bersalah individu itu akan dikenakan hukuman denda sebanyak jumlah dua kali ganda cukai yang dielak dan dikenakan denda tidak melebihi \$5,000 atau hukuman penjara untuk jangkamasa tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

### **4. MENGELAK CUKAI DENGAN SENGAJA ATAU MEMBANTU INDIVIDU LAIN UNTUK MENGELAK CUKAI**

Bagi kes pengelakan cukai, apabila seseorang didapati mengelak cukai dengan sengaja, atau membantu individu lain mengelak cukai dengan sengaja jika didapati bersalah akan dikenakan hukum denda sebanyak tiga kali ganda jumlah cukai yang dielak dan dikenakan denda tidak melebihi \$10,000 atau hukuman penjara untuk jangkamasa tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kes penipuan elakan cukai yang serius, iaitu apabila seseorang didapati mengelak cukai dengan sengaja, atau membantu individu lain mengelak cukai dengan sengaja jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman denda sebanyak 4 kali ganda jumlah cukai yang dielak dan dikenakan denda tidak melebihi \$50,000 atau hukuman penjara untuk jangkamasa tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

## **Hubungi**

### **(A) Talian Berinformasi IRAS**

#### **Laman Web IRAS**

<http://www.iras.gov.sg>

- Edaran yang disebut di dalam panduan ini boleh juga didapati dari laman web IRAS di bahagian e-Tax Guides.

**Perkhidmatan Telefon Integrasi Cukai Pendapatan Perniagaan 24-jam**

1800-356 8611

**Perkhidmatan Telefon Integrasi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 24-jam**

1800-356 8633

**Pusat Perkhidmatan Pembayar Cukai**

Tingkat 1, Revenue House

55 Newton Road

Singapore 307987

(Terletak berhadapan dengan Stesen MRT Novena)

Masa Operasi: 8 pagi hingga 5 petang (Isnin hingga Jumaat)

8 pagi hingga 1 petang (Sabtu) – Pertanyaan Cukai

Pendapatan Individu

**(B) Lembaga CPF**

**Laman web Lembaga CPF**

<http://www.cpf.gov.sg>

**Pusat Panggilan CPF**

1800-227-1188

**(C) Penguatkuasa Peraturan Perakaunan & Korporat (ACRA)**

**Laman web ACRA**

<http://www.acra.gov.sg>

**Bantuan Teknikal ACRA**

6248 6028

**(D) Penguatkuasa Kewangan Singapura (MAS)**

**Laman web MAS**

<http://www.mas.gov.sg>

---

Nota ini adalah hanya untuk panduan sahaja dan berdasar kepada kedudukan cukai pada masa cetakan (Dis 2007).